

UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH
BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN JANUARI 2014
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 20 FEBRUARI 2014**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu Negaraku, lagu Jabatan dan lagu **Satu Malaysia** yang penuh bersemangat sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, TAN (K), YBhg. Dato' Hawazain binti Shaari, TAN(O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izinNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bulan Februari tahun 2014.

1. PERKONGSIAN MAJLIS AMANAT KSN DENGAN PENJAWAT AWAM

- i. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, dalam perhimpunan bulanan pertama dengan warga Jabatan Perdana Menteri pada 6 Januari yang lepas, telah memaklumkan mengenai keadaan ekonomi dunia pada masa ini memberikan kelebihan kepada negara-negara yang melakukan transformasi.
- ii. Transformasi yang dimaksudkan adalah bersifat *structural*, iaitu kepada dasar negara dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berupaya meningkatkan daya saing negara. Hanya dengan cara inilah, negara kita akan berupaya mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan. Ini telah pun digariskan di dalam Dasar Transformasi Negara. Oleh itu, kita sebagai penjawat awam berperanan mendukung dan melaksanakan Dasar Transformasi Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

- iii. Sebagai tunjang kepada pelaksanaan dasar negara, kita sebagai penjawat awam perlulah menumpukan segala usaha dan tenaga ke arah memenuhi keperluan stakeholders kita. Dalam erti kata lain, kita perlu menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja, Negara dan Kerajaan seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita sebagai penjawat awam juga perlu memainkan peranan memperjelaskan dasar dan usaha Kerajaan untuk menghuraikan keadaan sebenar.

- iv. YBhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah memperkenalkan Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam, dimana sebuah Perkhidmatan Awam yang unggul adalah berteraskan 6 prinsip utama iaitu:
 - ✓ **Keterbukaan** – bermaksud mengamalkan minda terbuka dan sentiasa mudah untuk didekati oleh pelanggan yang memerlukan khidmat kita;

 - ✓ **Turun Padang** – bermakna sentiasa pasang telinga dan buka mata seluas-luasnya untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pelanggan;

 - ✓ **Musyawaharah** – bermaksud memperhebatkan lagi penglibatan kita dengan pelanggan menerusi engagement serta memberi penerangan dengan jelas terhadap mereka;

 - ✓ **Insaniah** – bermakna setiap penjawat awam harus menyeimbangkan antara kehidupan rohani dan kesihatan jasmani dalam cara kita bekerja;

 - ✓ **Kekitaan** – bermaksud meraikan perbezaan sumber dan mengukuh persamaan; dan

 - ✓ Kerjasama Awam, Swasta dan NGO – bermakna memperkasakan lagi perkongsian sumber dengan mengadakan kolaborasi dengan mereka dan sentiasa berusaha mencapai permuafakatan

2. PROGRAM PENJIMATAN DAN LANGKAH-LANGKAH MEMBENDUNG KENAIKAN HARGA BARANG

Seperti yang saya maklumkan pada perhimpunan yang lalu, YAB Perdana Menteri, telah mengumumkan 11 langkah penjimatan pada 30 Disember 2013 yang lalu, dalam usaha bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam. Langkah-langkah ini mencerminkan penjawat awam turut berkongsi impak pengurangan perbelanjaan bersama rakyat, selaras dengan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'.

Kalau kita melihat disini, sesetengah langkah-langkah ini menyentuh secara khususnya pegawai di peringkat pengurusan tertinggi. Untuk itu, sekali lagi saya harap tuan-tuan dan puan-puan dapat mematuhi langkah-langkah penjimatan ini, seperti yang telah digariskan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014.

Untuk makluman semua, JANM melalui KESAN akan cuba membantu warga JANM dengan cara menurunkan kadar sewa kafeteria agar harga makanan di kafeteria dapat diturunkan, dan kita akan berbincang dengan operator kafeteria untuk mengadakan menu "1Malaysia" (sekiranya mendapat sambutan) supaya warga JANM boleh mendapat makanan dengan harga yang lebih murah.

3. TRANSFORMASI KERAJAAN DI JANM

i. Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Hari ini (20.2.2014), bermakna hanya 314 hari sahaja lagi sebelum kita melaksanakan perakaunan akruan sepenuhnya pada 1 Januari tahun 2015. Diharapkan anda semua sudah bersedia untuk memainkan peranan tuan/puan sebagai *change agents* dan bersedia menerima cabaran yang mendatang dengan hati dan minda terbuka.

Ini kerana transformasi ini akan melibatkan semua lapisan penjawat awam dalam Kerajaan Persekutuan. Memandangkan ia adalah perkara baharu, kita akan melalui fasa pembelajaran bersama-sama.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai warga perkhidmatan perakaunan untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada mereka yang lain. Justeru, kita sendiri haruslah berusaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kita terutamanya berkaitan MPSAS, agar kita dapat menjalankan peranan kita dengan cemerlang.

ii. **Penyusunan Semula JANM**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sedang dalam peringkat akhir penyediaan kertas cadangan penyusunan semula organisasi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaras dengan Transformasi Sistem Kewangan Kerajaan Persekutuan dari Perakaunan Tunai Ubah Suai kepada Perakaunan Akruan. Kertas cadangan yang dikemukakan memberi fokus kepada usaha mengoptimumkan fungsi dan peranan perjawatan sedia ada melalui pengejatan jawatan.

BERKAT

Sebagai penutup, saya suka memaklumkan bahawa seperti yang telah dipersetujui di dalam EGM BERKAT pada 4 September 2013, perlembagaan **BERKAT** telah dipinda menjadikan semua pegawai perkhidmatan perakaunan, dan pegawai bukan perkhidmatan perakaunan yang berkhidmat di JANM termasuk di pejabat JANM Negeri dan Cawangan menjadi ahli BERKAT secara automatik. Keahlian BERKAT ini hanya terbatal sekiranya pegawai keluar daripada perkhidmatan perakaunan atau, bagi pegawai bukan perkhidmatan perakaunan, bila tidak lagi berkhidmat di JANM.

Bayaran yuran keahlian akan dibuat secara potongan gaji, efektif 1 Januari 2014. Ia akan dilaksanakan mulai bulan Mac ini. Mesyuarat Agung (AGM) BERKAT telah dirancang untuk diadakan dalam waktu terdekat dan tarikhnya akan dimaklumkan kepada semua ahli kelak.

PENUTUP

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.